



Malay

taip untuk carian



AM > BERITA

Pembayar Cukai Disaran Semak Status Sekatan Perjalanan Sebelum Ke Luar Negara

🕒 03/09/2024 01:07 PM



KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pembayar cukai disarankan supaya menyemak status sekatan perjalanan mereka dengan lebih awal sebelum membuat perjalanan ke luar negara.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pungutan Hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Azaharuddin Mohd Ali berkata tindakan itu bagi mengelakkan tekanan pada saat akhir kepada pembayar cukai yang 'tersekat' di pintu keluar masuk negara akibat tunggakan cukai.

Justeru, beliau mengingatkan pembayar cukai untuk sentiasa mengemas kini butiran peribadi serta maklumat lain menerusi pangkalan data LHDN bagi memudahkan agensi itu untuk memaklumkan tentang sebarang tunggakan cukai atau sekatan perjalanan yang dikenakan.



"... rata-rata pembayar cukai tidak mengemas kini maklumat. Sebab itu LHDN menguar-uarkan kepada pembayar cukai untuk sentiasa mengemas kini butiran peribadi sebab segala maklumat

BERNAMA - Pembayar Cukai Disaran Semak Status Sekatan Perjalanan Sebelum Ke Luar Negara
yang kita salurkan hanya kepada maklumat terkini yang ada di pangkalan data LHDN.

"Pembayar cukai disaran melayari portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my/> dan kemas kini maklumat peribadi terkini seperti e-mel, alamat rumah dan nombor telefon," katanya ketika menjadi tetamu dalam program terbitan Bernama Radio dengan topik 'Klinik Cukai - Sekatan Perjalanan: Apa Perlu Dilakukan?' hari ini.

Azaharuddin berkata LHDN merupakan agensi kerajaan yang menguruskan cukai langsung dan agensi itu boleh mengambil tindakan berkenaan melalui Arahan Potongan Gaji (Arahan CP38), selain mengenakan tindakan mahkamah serta sekatan perjalanan terhadap mereka yang mempunyai tunggakan cukai.



Beliau berkata sekatan perjalanan itu adalah langkah terakhir yang dikenakan bertujuan mewujudkan komuniti pembayar cukai yang patuh dan bertanggungjawab selain bagi memastikan tidak wujud ketirisan cukai serta memberi keadilan kepada pembayar cukai yang lain.

Pada masa sama, beliau berkata sekatan perjalanan itu boleh dibatalkan dengan segera selepas pembayar cukai menyelesaikan bayaran tunggakan mereka secara sekali gus pada waktu tersebut secara dalam talian di portal MyTax menerusi butang 'Sekatan Perjalanan'.

Bagaimanapun, katanya bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membayar tunggakan cukai secara sepenuhnya boleh berbincang dengan LHDN untuk mendapat kebenaran bagi mendapatkan pelepasan sementara mengikut tempoh yang dipersetujui.

"... kita pun tahu kadang-kadang mungkin pembayar cukai yang ingin keluar negara atas faktor yang mendesak, contohnya kematian saudara di luar negara, jadi kita ada pertimbangan sewajarnya. LHDN rasional, ada budi bicara dan kita tidak terlalu kejam sampai minta bayaran penuh.

"Jadi, kita ada pertimbangan iaitu pembayar cukai boleh berbincang dengan LHDN untuk mendapat persetujuan dan kita akan berikan pelepasan sementara kepada mereka," katanya yang turut menekankan agar pembayar cukai tidak culas membuat bayaran tunggakan secara ansuran yang dipersetujui.

Semakan status sekatan perjalanan boleh dibuat menerusi portal Sistem Semakan Perjalanan Imigresen (SSPI) Jabatan Imigresen Malaysia di <https://sspi.imi.gov.my/>.

-- BERNAMA

The 6th International Sustainable Energy Summit (ISES) ...



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

lhdn

pembayar cukai

sekatan perjalanan

luar negara

mytax

BERITA BERKAITAN



Malaysia Bukan Boneka Mana-mana Kuasa Asing, Amal Dasar Luar Pragmatik - Penganalisis

🕒 18jam lalu



JPN Tambah Baik Program MEKAR Diaspora, Bantu Rakyat Malaysia Luar Negara Dapat Pengenalan Diri

🕒 3hari lalu



Waspada Sindiket Penipuan Guna Nama LHDN Perangkap Mangsa

🕒 4hari lalu

LAGI BERITA



India Mahu Jadikan Malaysia Sebagai Hab Dan Batu Loncatan Kuasai Pasaran Asia Tenggara

🕒 1lalu



FAM Akan Bentang Struktur Organisasi Harimau Malaya Kepada Perdana Menteri - Hamidin

🕒 8minit lalu



PM New Zealand Bertemu Khairul Aming, Nikmati Sajjian Roti Jala Dan Teh Tarik

🕒 11minit lalu



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]

✉ [helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)



Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- SUKMA 2024
- HKHM 2024
- Olimpik Paris 2024
- Daulat Tuanku
- HAWANA 2024
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- Belanjawan 2024
- Kesihatan
- Tenaga
- MAPO
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA

- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender